

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Kutipan Bil Keluar-i. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Terma dan Syarat Permohonan. Anda diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank Islamic Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank Islamic Berhad</p> <p>Kutipan Bil Keluar-i</p> <p>Tarikh: 01 September 2023</p>
--	--

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

(a) Kutipan Bil Keluar-i ("OBC-i") adalah transaksi yang mana pihak Penjual ("Benefisiari") membenarkan kutipan bayaran kepada bank ejen ("Bank Pengirim/AmBank Islamic") yang kemudian menghantar ke Bank Pembeli ("Bank Pemungut") beserta arahan sama ada melepaskan dokumen tersebut kepada Pembeli di bawah D/P atau penerimaan di bawah D/A.

(b) OBC-i tertakluk kepada International Chamber of Commerce (ICC) Uniform Rules for Collections (URC).

Nota: D/P – Dokumen atas Pembayaran; D/A – Dokumen atas Penerimaan

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

OBC-i distruktur berdasarkan prinsip Syariah *Wakalah* (agensi) yang mana AmBank Islamic ("Bank") bertindak sebagai ejen bagi Penjual ("Pelanggan") untuk kutipan dokumentari dan pengaturan pembayaran. *Wakalah* merujuk kepada kontrak yang mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai ejen untuk melaksanakan tugas tertentu

3. Apakah yang saya akan dapat daripada produk ini?

(a) OBC-i ditawarkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau dalam mata wang asing yang diterima oleh pihak Bank.

(b) Oleh kerana OBC-i adalah sejenis perkhidmatan perdagangan, tiada had Kemudahan diberikan untuk produk ini.

(c) Boleh menguruskan pembiayaan di bawah Bil Penerimaan-i ("AB-i") Penjualan/Eksport, or Pembelian Bil Keluar-i ("OBP-i") / Pembelian Terus Bil Keluar-i ("DOPB-i") (tertakluk kepada had MTF-i Pembeli).

4. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?

(a) Anda dikehendaki memberikan arahan pengutipan melalui penyerahan borang permohonan bersama-sama dengan dokumen perkapalan yang berkaitan.

(b) Anda dikehendaki untuk memastikan dana yang mencukupi dalam akaun semasa anda dengan kami untuk mendebit fi dan caj.

(c) Anda dikehendaki memastikan aset / barangan anda dalam invoice adalah patuh Syariah.

5. Apakah fi dan caj yang dikenakan?

No.	Jenis Fi dan Caj	Tariff
1	Komisen	0.1% daripada amaun bil. Min: RM30 (Bil dalam Mata Wang Asing); RM50 (Bil dalam RM), Max: RM80 (Bil dalam Mata Wang Asing); RM300 (Bil dalam RM)
2	Fi Pengendalian – Tiada Bayaran dan Tiada penerimaan > 60 days	0.1% daripada amaun bil. Min: RM50, Max: RM100 (Bil dalam Mata Wang Asing); RM300 (Bil dalam RM)
3	Fi Pengendalian – Dokumen dikembalikan selepas Proses Kutipan	0.1% daripada amaun bil. Min: RM50, Max: RM100 (Bil dalam Mata Wang Asing); RM300 (Bil dalam RM)
4	Fi Pengendalian – Pengeluaran Dokumen "Free of Payment" kepada pesuruh bayar	0.1% daripada amaun bil. Min: RM50, Max: RM100 (Bil dalam Mata Wang Asing); RM300 (Bil dalam RM)
5	Komisen sebagai ganti Pertukaran Mata Wang Asing yang diselesaikan dalam Mata Wang Asing	0.1% daripada nilai invoice. Min. RM50, Max. RM300
6	Bayaran SWIFT	Untuk akaun pelanggan <ul style="list-style-type: none"> • Di Malaysia: RM20 rata. • Di luar Malaysia: RM40 rata. Untuk akaun rakan niaga asing - bersamaan USD20.
7	Pembayaran RENTAS / GIRO Antara Bank	RM2 rata.
8	Pos / Pos Berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Di Malaysia: RM5 rata. • Di luar Malaysia: RM20 rata.
9	Perkhidmatan Kurier	<ul style="list-style-type: none"> • Di Malaysia: RM15 rata. • Di luar Malaysia: Bergantung kepada destinasi.
10	Duti Setem	Seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)

Sebut harga fi dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk apa-apa cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cukai barang dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai penggunaan, cukai pengguna, cukai tidak langsung, cukai perkhidmatan, cukai jualan, duti, levi atau apa-apa cukai lain ("Cukai") yang mungkin sekarang atau selepas ini dikenakan Kerajaan Malaysia.

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

6. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?
 Pihak Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Bank untuk pembayaran jumlah tunggakan di bawah kemudahan AmBank Islamic. Amaun tolak-selesai akan dimaklumkan kepada anda sebelum proses tolak-selesai dilaksanakan.

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?
 Tidak terpakai.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?
 Tidak terpakai.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?
 (a) Sebagai Penjual, anda mungkin mempunyai risiko tidak dibayar / tidak dibuat penerimaan oleh Pembeli anda dan mungkin perlu menarik balik barangan anda atau mencari Pembeli baru.
 (b) *Anda mungkin terdedah kepada semua risiko turun naik pertukaran mata wang asing, kadaran dan kerugian.*

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?
 (a) Seorang penjamin (atau lebih) harus disediakan, jika perlu.
 (b) Cagaran harus disediakan jika perlu dan mestilah diterima oleh Bank.

Nota: Syarat di atas bergantung kepada keupayaan kredit anda.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?
 Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh hubungi / maklumkan secara bertulis kepada Pegawai Perhubungan anda.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

AmBank Islamic Contact Centre
 P.O Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur
 Tel: (603) 2178 8888
 Email: customercare@ambankgroup.com

Blok D, Bank Negara Malaysia,
 Jalan Dato' Onn,
 50450 Kuala Lumpur.
 Tel: 1-300-88-5465
 Fax: 03-2174 1515
 Website: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Level 5 & 6,
 Menara Aras Raya
 (Formerly known as Menara Bumiputera Commerce)
 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
 Tel: 03-2616 7766
 E-mail: enquiry@akpk.org.my

13. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?
 Untuk butiran terperinci seperti manfaat, caj dan yuran produk, anda boleh melayari www.ambankgroup.com

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

14. Produk-produk perdagangan secara Islam yang disediakan:

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Resit Amanah-i • Bil Penerimaan-i • Pembiayaan Invois-i • Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing-i • Pemfaktoran Rekursa Domestik-i • Pemfaktoran Sulit-i • Pemfaktoran Berturutan-i • Penyelenggaraan Lejer Jualan-i | <ul style="list-style-type: none"> • Bil Kredit Perundingan-i • Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i • Pembelian Bil Keluar-i • Surat Kredit-i • Jaminan Bank-i • Surat Kredit Tunggu Sedia-i • Jaminan Perkapalan-i • Kutipan Bil Masuk-i |
|--|--|

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Penyataan Produk ini sah dari 01 September 2023 sehingga dikemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini.

Semua pengiraan dan kadar adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penafian: Amaun Kemudahan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya / Kami mengakui bahawa terma utama kontrak dan tanggungan kewangan saya / kami di bawah produk kewangan ini telah diperjelas dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

Nama:

No K/P:

Tarikh:

Atau

Untuk dan Bagi Pihak:

Nombor Pendaftaran:

(Penandatanganan Sah/ Pengarah)

Tarikh: